



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 603 – 88832545
Faks : 603 – 88895542
E-mail : hasar@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM87/P1/29/1 Jld.6 (15)
Tarikh : 4 Januari 2012

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 1
TAHUN 2012: GARISPANDUAN PENDERMAAN ORGAN DARI
PENDERMA HIDUP TIADA KAITAN KEKELUARGAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai sebahagian dari komitmen Kementerian Kesihatan di dalam melaksanakan ***WHO Guiding Principles on Human Cell Tissue and Organ Transplantation*** tahun 2010 dan ***Polisi Transplantasi Organ Tisu dan Sel Kebangsaan*** tahun 2007, Program Perubatan telah menerbitkan satu garispanduan mengenai pendermaan organ dari penderma hidup tiada kaitan kekeluargaan, "***Unrelated Living Organ Donation: Policies and Procedures***".
3. Garispanduan ini dikeluarkan bagi memastikan kepentingan serta keselamatan penderma organ diambil berat serta memelihara amalan transplantasi organ agar dilaksanakan secara beretika mengikut piawaian yang digunakan di peringkat antarabangsa.

4. Dasar pendermaan organ dari penderma hidup adalah seperti berikut:

- a. Semua pendermaan organ dari penderma hidup yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan perlu dinilai terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Bebas "Unrelated Transplant Approval Committee (UTAC)";
- b. Pendermaan organ dari penderma hidup yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan perlu memenuhi kriteria seperti berikut:
 - i. ketiadaan penderma kadaverik;
 - ii. ketiadaan penderma hidup yang bersesuaian dari kalangan ahli keluarga terdekat;
- c. Semua pembedahan transplan yang melibatkan warganegara asing juga perlu dinilai terlebih dahulu oleh UTAC.
- d. Adalah menjadi tanggungjawab pakar yang terlibat untuk membuat kepastian mengenai status hubungan di antara penderma dan penerima untuk setiap kes. Sekiranya status hubungan kekeluargaan untuk sesuatu kes diragui atau sukar untuk dipastikan, pakar yang berkenaan bertanggungjawab untuk merujuk kes tersebut kepada UTAC.
- e. Semua kes transplan dari penderma hidup perlu dilaporkan kepada Pusat Sumber Transplan Nasional setiap bulan. Semua kes transplan dari penderma hidup juga perlu dilaporkan kepada Registri Transplan Nasional.

5. Borang permohonan untuk penilaian UTAC perlu dikemukakan kepada Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur sebelum ianya dikemukakan kepada Unit Perkhidmatan Transplan, Bahagian Perkembangan Perubatan untuk tindakan selanjutnya. Alamat sekretariat tersebut adalah seperti berikut:

UNIT PERKHIDMATAN TRANSPLAN

Bahagian Perkembangan Perubatan
Aras 5 Blok E1 Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia
Emel : transplantation_unit@moh.gov.my
Tel. (pej.) : (603) 88831165
Tel. (faks) : (603) 88831155


PUSAT SUMBER TRANSPLAN NASIONAL

Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur
Emel : ntrc@hkl.moh.gov.my
Tel. (pej.) : (603) 26942704 atau (603) 26942705
Tel. (faks) : (603) 26156269

6. Semua Jabatan Kesihatan Negeri diminta untuk membuat hebahan mengenai dasar tersebut kepada hospital-hospital dan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Garispanduan ***Unrelated Living Organ Donation: Policies and Procedures*** tersebut boleh dimuat turun dari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia www.moh.gov.my. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

Yang ikhlas,



(DATO' SRI DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)